

# Ubah budaya tidak,

UM 4 JAN 2002

Oleh ZULKIFLI ABDULLAH

**R**EMBAU 3 Jan. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mahukan setiap rakyat negara ini sanggup mengubah daripada budaya yang tidak baik dan menerima budaya yang lebih baik serta mampu memberi kemajuan kepada negara.

Perdana Menteri berkata, masyarakat perlu memikul tanggungjawab itu dan sememangnya boleh belajar sejarah orang lain untuk membetulkan keadaan kaum mereka.

"Saya tidak begitu berpuas hati pencapaian kita, kadang-kadang memang dipertikaikan sama ada tesis ini benar atau tidak walau pun ramai juga yang terima dan sedikit sebanyak kita berjaya," katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap di majlis jamuan Hari Raya Aidilfitri anjuran Biro Tata Negara di Kern Bina Negara, Ulu Sepri dekat sini hari ini.

Jamuan itu diadakan sempena Kursus Bina Negara Perdana Bilangan 1/2002 dan Perdana Menteri adalah salah seorang daripada fasilitator dalam kursus selama empat hari yang berakhir Sabtu ini.

Turut hadir ialah Undang Luak Rembau, Datuk Lela Maharaja Datuk Muhamad Sharip Othman, Menteri Besar Negeri Sembilan, Tan Sri Mohd. Isa Abdul Samad dan pemimpin-pemimpin kerajaan.

Sebelum itu, Dr. Mahathir turut menyampaikan ceramah tertutup selama dua jam setengah kepada 86 peserta yang terdiri daripada pegawai-pegawai kanan kerajaan, tokoh-tokoh korporat dan akademik, pegawai tinggi tentera dan polis serta individu.

Perdana Menteri selanjutnya berkata, rakyat negara ini boleh belajar daripada sejarah silam kecemerlangan bangsa-bangsa lain di dunia untuk mereka menjadi kaum yang maju.

"Saya baca misalnya berkenaan orang Monggol di bawah kepimpinan Genghis Khan, satu bangsa normad yang tidak tahu bandar.

"Mereka berpindah mengikut binatang ternakan mereka mereka berpecah kepada berpuluh-puluh suku kaum tetapi apabila datang seorang yang bernama Genghis Khan, dia berjaya secara paksa dengan menggunakan tenteranya untuk menyatu padu bangsa dan suku-suku kaum Monggol ini," jelasnya.

## Perpaduan

Menceritakan sejarah ketamadunan bangsa Monggol itu, Perdana Menteri berkata, mereka menjadi satu bangsa walaupun mereka amat kolot yang hidup sebagai penternak binatang sahaja tetapi di bawah kepimpinan Genghis Khan mereka berjaya.

Jelas Dr. Mahathir, kejayaan tersebut adalah kerana bangsa Monggol itu berjaya mewujudkan perpaduan yang membawa kekuatan kepada bangsa mereka.

Kemudiannya, tambah beliau, mereka turut berjaya memberangsangkan semangat mereka hingga mereka sanggup bermati-matian untuk menguasai dunia.

Bagaimanapun katanya, empayar Monggol yang diteruskan oleh anak dan cucunya akhirnya berpecah dan empayar itu runtuh.

Dr. Mahathir turut memberitahu akan sejarah kegemilangan negara

Rusia di bawah Peter The Great yang menukar budaya orang Rusia yang mundur dengan menggunakan kekerasan.

"Sesiapa yang menentang, dibunuh olehnya dan akhirnya dia tukar bangsa ini sebuah bangsa Barat dan bukannya bangsa Timur dan Rusia pada zaman itu telah menjadi kuasa besar dunia," jelasnya.

Ini kata Perdana Menteri berlaku kerana pemimpin-pemimpin ini berjaya menyemai nilai-nilai hidup yang berlainan daripada nilai-nilai hidup yang membawa kemunduran kepada mereka.

Sebaliknya, ada pula bangsa yang majunya kemudian menjadi mundur umpamanya orang Islam yang berjaya membina empayar selama 1,300 tahun yang berpusat di Timur Tengah di Damsyik dan Baghdad serta sebuah empayar lain berpusat Istanbul.

Bagaimanapun, oleh kerana perpecahan yang berlaku di kalangan mereka dan pegangan mereka kepada budaya yang sudah kolot umpamanya tentera mereka tidak dibenarkan memakai seluar ketat yang dianggap haram.

Di samping itu, tentera mereka juga tidak boleh pakai topi kerana tidak boleh sembahyang serta tidak mahu menerima senjata-senjata baru akhirnya mereka dikalahkan dan empayar Islam runtuh.

Justeru kata Perdana Menteri, kursus-kursus yang diadakan itu adalah usaha-usaha positif untuk menukar budaya tersebut dan menilai apakah sebabnya mereka boleh berjaya dan boleh maju dan boleh juga menjadi mundur.

baik — PM